



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 55 / 2020

PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH KE-16

1. Hari ini telah dijalankan proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sabah Ke-16 **di 73 Pusat Penamaan Calon** seluruh Negeri Sabah.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada jam **10.00 pagi**, seramai **447 calon** mewakili pelbagai parti dan individu disahkan bertanding dalam PRU DUN Sabah Ke-16.
3. SPR telah menerima dan mengesahkan sebanyak **447 KERTAS PENAMAAN** yang layak bertanding bagi PRU DUN Sabah Ke-16 daripada pihak-pihak seperti berikut:

BIL.	PARTI	JUMLAH
1.	Parti Cinta Sabah (PCS)	73
2.	Parti Warisan Sabah (WARISAN)	54
3.	Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)	47
4.	Liberal Democratic Party (LDP)	46
5.	Barisan Nasional (BN)	41

BIL.	PARTI	JUMLAH
6.	Perikatan Nasional (PN)	29
7.	Parti Gagasan Rakyat Sabah (GAGASAN)	28
8.	Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS)	23
9.	Parti Bersatu Sabah (PBS)	22
10.	United Progressive Kinabalu Organisation (UPKO)	12
11.	Parti Keadilan Rakyat (PKR)	7
12.	Parti Harapan Rakyat Sabah (HARAPAN RAKYAT)	5
13.	Parti Kerjasama Anak Negeri (ANAK NEGERI)	2
14.	Parti Kebangsaan Sabah (PKS)	1
15.	Pertubuhan Perpaduan Rakyat Kebangsaan Sabah (PERPADUAN)	1
16.	Bebas	56
JUMLAH		447

4. **Kertas Penamaan Ditolak**

Sepanjang tempoh penamaan calon, terdapat **1** kertas penamaan telah ditolak atas sebab **calon tidak layak bertanding (bankrap)**. Jumlah kertas penamaan yang ditolak mengikut DUN adalah seperti berikut:

DUN	PARTI
DUN N.23 Petagas, P.173 Putatan	Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)

5. **Pertandingan Mengikut Penjuru**

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

BIL	PENJURU	BILANGAN DUN
1.	3 penjuru	3
2.	4 penjuru	5
3.	5 penjuru	15
4.	6 penjuru	26
5.	7 penjuru	13
6.	8 penjuru	6
7.	9 penjuru	3
8.	10 penjuru (DUN N.18 Inanam / P.171 Sepanggar)	1
9.	11 penjuru (DUN N.02 Bengkoka / P.167 Kudat)	1

6. **Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina**

Bilangan **calon yang bertanding mengikut jantina** adalah seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH
1.	Lelaki	404
2.	Perempuan	43

7. Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur

- (i) Bilangan calon yang bertanding berdasarkan julat umur adalah seperti berikut:

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON
1.	18-29	11
2.	30-39	58
3.	40-49	98
4.	50-59	149
5.	≥ 60	131

- (ii) Umur calon tertua dan calon termuda yang bertanding adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	UMUR CALON
1.	Umur Calon Tertua (DUN N.66 Bugaya, P.189 Semporna)	75 tahun
2.	Umur Calon Termuda (DUN N.07 Tandek, P.168 Kota Marudu)	22 tahun

8. Tempoh Rasmi Berkempen

Dengan selesainya proses penamaan calon tersebut, maka tempoh berkempen bermula sehingga jam **11.59 malam, 25 September 2020.**

- (i) SPR telah menubuhkan **73** Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) selaras dengan **Seksyen 27B Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954** untuk memantau semua aktiviti calon ketika berkempen termasuk pematuhan terhadap **Garis Panduan Pencegahan Covid-19 ini**. Ini adalah selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)**.

 - (ii) Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah membuka **5** bilik gerakan yang beroperasi **selama 24 jam bermula dari 11 September 2020 sehingga 30 September 2020**. Bilik Gerakan SPRM beroperasi di **Pejabat SPRM Negeri di Kota Kinabalu dan Cawangan-cawangan Pejabat SPRM Sandakan, Tawau, Keningau serta Lahad Datu**. Nombor *hotline* yang boleh dihubungi untuk sebarang aduan ialah **010-943 6002**. SPRM juga telah menubuhkan beberapa pasukan respons untuk membuat pemantauan di lapangan.
9. Calon yang membayar deposit bahan kempen pilihan raya **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang/ simbol parti dan gambar pemimpin parti yang diwakilinya termasuklah lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti komponen yang berdaftar secara rasmi.

10. Bahan-bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, **pelekat** dan poster **hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
11. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau yang boleh mendatangkan permusuhan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
12. Setiap **ceramah** perlu mendapatkan **permit** daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PDRM berkuasa untuk mengambil tindakan bagi aktiviti ceramah yang dijalankan tanpa permit.
13. Dijangkakan keputusan PRU DUN Sabah Ke-16 akan diumumkan **SEBELUM jam 12.00 tengah malam pada 26 September 2020.**
14. Bagi PRU DUN ini, SPR telah melantik **163 orang pemerhati pilihan raya** daripada **14** buah organisasi (agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan **9** individu yang berkelayakan) untuk memantau perjalanan proses pilihan raya ini.
15. SPR menjangkakan peratusan keluar mengundi untuk PRU DUN ini adalah lebih kurang **75 peratus.**
16. SPR juga memohon semua pihak khususnya pihak media agar turut memainkan peranan untuk menggalakkan pengundi agar keluar mengundi pada 26 September 2020 nanti.

17. SPR akan terus **melaksanakan penambahbaikan-penambahbaikan pada PRU DUN ini seperti memaklumkan kepada pengundi untuk keluar mengundi pada waktu yang digalakkan seperti mana tercatat pada *voter's card* bagi mengelakkan kesesakan dan memastikan penjarakan fizikal dapat dilaksanakan.** Di samping itu Garis Panduan Pencegahan Wabak Covid-19 juga akan turut dikuatkuasakan di Pusat-pusat Mengundi dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.
18. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen akan berjalan dengan suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
19. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
20. Terima kasih kepada Encik Rohiman Bin Rahia, Pengarah SPR Sabah dan warga Pejabat SPR Negeri Sabah.

21. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak PDRM, SPRM, Jabatan Insolvency Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI BIN SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 12 September 2020 / 24 Muharam 1442H